

16 FEB 2003

Hamid-Tokoh

DR MAHATHIR BETULKAN KEFAHAMAN ISLAM DIKALANGAN MASYARAKAT MELAYU

PULAU PINANG, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah tokoh negarawan yang telah banyak membetulkan kefahaman Islam sebagai Ad-Din atau cara hidup di kalangan masyarakat Melayu dan dunia.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Osman berkata pandangan Dr Mahathir yang luas mengenai ajaran Islam dan usahanya membawa umat Islam untuk maju adalah selaras dengan tuntutan agama.

Ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan di sini hari ini, Dr Abdul Hamid berkata Perdana Menteri telah membetulkan perbezaan antara tuntutan adat dan tuntutan agama yang pernah menjadi satu fenomena di kalangan umat Islam di negara ini.

Katanya, Dr Mahathir dengan jelas mengajak umat Islam mengikis budaya-budaya dan adat yang tidak sejajar dengan nilai-nilai Islam dengan membantah simpulan bahasa yang berbunyi "Biar mati anak, jangan mati adat".

"Dr Mahathir juga telah mengkritik sikap masyarakat Melayu yang suka berpolemik tetapi tidak pernah mencari penyelesaian jika berlaku sesuatu kekeliruan dan ia adalah antara faktor kelemahan umat Islam di negara ini," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri juga sering mengkritik masyarakat Melayu yang bena iaitu suka menunggu pihak lain mengambil langkah dan sikap inilah juga menyebabkan berlakunya penyalahgunaan dadah secara berleluasa di kalangan generasi muda.

Persepsi masyarakat Islam yang negatif terhadap kepentingan ilmu pengetahuan, konsep pembangunan dan kemajuan yang seimbang juga dikesali oleh Dr Mahathir kerana menurut beliau sikap itu menyebabkan umat Islam menjadi lemah kerana tidak berilmu dan mundur kerana tidak membangun.

Katanya, kritikan Dr Mahathir itu jelas membetulkan fahaman Islam di kalangan masyarakat Melayu sebelum ini.

"Dr Mahathir telah mengenalpasti bahawa sikap-sikap itu menyebabkan orang Islam mudah ditindas dan menimbulkan krisis dalam dunia Islam kerana gagal mewujudkan sebuah negara yang maju dan dihormati," kata Dr Abdul Hamid.

Katanya, disebabkan itu, Perdana Menteri menyatakan bahawa punca utama masalah yang melanda dunia Islam adalah disebabkan kelemahan umat Islam sendiri, bukannya daripada tekanan pihak luar dan beliau mengajak umat Islam untuk membetulkan fahaman yang salah itu.

Dr Abdul Hamid berkata Dr Mahathir telah membuktikan bahawa Islam harus ditegakkan dengan kekuatan ekonomi dan politik kerana untuk mewujudkan sebuah negara Islam, ia bukan hanya terbatas kepada pelaksanaan hukum-hakam sahaja tetapi sesebuah negara itu harus mampu mempertahankan diri daripada apa juga jua serangan dan tekanan dari musuh-musuh Islam.

Katanya, pemikiran Islam Dr Mahathir bukanlah sesuatu yang mengelirukan atau bersifat sekular sebaliknya ia merupakan bentuk pemikiran Islam yang bersifat rasional, sederhana dan pragmatik.

"Dr Mahathir sentiasa merujuk kepada Al Quran dan Sunnah serta meneliti sejarah Islam sebelum membuat sebarang pandangan mengenai Islam.

Pemikiran Islam Dr Mahathir adalah unik dan menarik, beliau memahami Islam secara meluas dan membuat tafsiran Islam yang sebenar dari aspek peranan, kedudukan dan kesannya terhadap diri, masyarakat dan alam sekeliling, " kata Dr Abdul Hamid.

Pendekatan Islam yang digunakan oleh Dr Mahathir adalah pragmatik dan ia menyamai dengan pendekatan "Contemporary Islamic Approach" yang diasaskan oleh Dr Abdul Hamid Abu Sulayman, seorang ulama dan bekas rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Konsep pendekatan itu menyelesaikan masalah umat berasaskan sumber-sumber Al Quran, Sunnah dan Ijtihad mengikut keperluan dan mengutamakan faktor masa-keadaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Inmind Datuk Dr Zambry Abdul Kadir pula berkata Perdana Menteri juga membuktikan komitmennya untuk membetulkan kefahaman umat Islam seluruh dunia apabila beliau secara berani menyuarakan pandangan mengenai Islam yang sering menjadi "misundertood religion" di forum-forum antarabangsa.

"Beliau adalah satu-satunya pemimpin Islam yang berani berbicara persoalan Islam secara terang-terangan di hadapan kuasa besar malah beliau adalah antara pemimpin yang menjadikan Islam sebagai teras pemikiran politiknya," katanya.

Katanya, walaupun Dr Mahathir sering dikritik dan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan yang berbau politik namun beliau adalah seorang pemimpin Islam yang disegani dunia.

Contoh komitmen dan tasawwur Islam Dr Mahathir ialah apabila beliau secara terbuka memberitahu dunia bahawa Islam adalah cara hidup, Rasulullah adalah model kepimpinan dan Malaysia adalah sebuah negara Islam, kata Dr Zambry.

"Apabila dunia memasuki abad baru dan munculnya proses globalisasi, Dr Mahathir melihatnya sebagai satu cabaran kepada umat Islam dan menyatakan bahawa ia membolehkan umat Islam menjadi lebih kuat dan sempurna kerana teori sosial Islam itu sendiri berdiri atas prinsip ummah tanpa batasan geografi," tambahnya.

-- BERNAMA

AZE MOZ